



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT AMINUDDIN BAKI**

LAPORAN AUDIT KUALITI DALAMAN

Organisasi	INSTITUT AMINUDDIN BAKI	Muka surat		1 / 7
		Bil. Audit		2025
Lokasi Audit	INSTITUT AMINUDDIN BAKI CAWANGAN UTARA	Skop	Penyampaian Perkhidmatan Latihan; Pentaksiran; Konsultasi; Penyelidikan; dan Penerbitan dalam Bidang Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan.	
Auditi	1. Tn. Hj. Faudzi bin Saad 2. En. Khairul Badri bin Ahmad 3. En. Fakhrul Anwar bin Ishak	Jawatan	1. Pengarah IABCU 2. Timbalan Pengarah 3. Timb. Wakil Pengurusan IABCU	
Kriteria Audit	Audit Proses MS ISO 9001:2015			
Objektif Audit	Memastikan keseluruhan prosedur Sistem Pengurusan Kualiti IAB dipatuhi bagi tujuan penambahbaikan Memastikan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti IAB menunjukkan keakuran terhadap memenuhi keperluan standard ISO 9001: 2015, undang-undang dan peraturan-peraturan yang relevan serta dokumen kualiti yang telah ditetapkan oleh organisasi; untuk mengenal pasti risiko dan peluang penambahbaikan.			
Ketua Pasukan	Norleha bt Ibrahim	Juruaudit	Rujuk	
Tarikh Audit	5 Februari - 27 Februari 2025		Lampiran A	
Bil. orang/hari	28/ 17 hari	Tahap Kerumitan	Sederhana	
Bil. Ketakuran	0	Bil Peluang untuk Penambahbaikan	0	

1.0 MAKLUMAT ORGANISASI DAN AUDIT

Audit Kualiti Dalam Bil. 1/2025 Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara (IABCU) telah dijalankan pada **5 Februari - 27 Februari 2025**. Skop pengauditan meliputi penyampaian perkhidmatan latihan, konsultasi, penyelidikan, pentaksiran dan penerbitan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.

2.0 RUMUSAN AUDIT

2.1 Analisis Data

Pasukan audit telah merumuskan dapatan audit berdasarkan analisis data dan fakta yang sahih dan tepat. Semua data telah diverifikasi sebelum sesuatu keputusan audit dilaporkan.

2.2 Komitmen Pasukan Audit

Proses audit dalaman melibatkan empat pasukan audit melibatkan 27 orang juruaudit dalaman IABCU. Semua Juruaudit mempunyai Sijil Audit Kualiti Dalaman dan seramai 13 orang Juruaudit mempunyai Sijil **Lead Auditor**. Pasukan juruaudit sangat komited dan mempamerkan kompetensi yang tinggi dalam melaksanakan pengauditan. Semua auditi telah bekerjasama dan menunjukkan kefahaman yang baik tentang Sistem Pengurusan Kualiti IAB. Secara keseluruhan, Sistem Pengurusan Kualiti IABCU berada dalam keadaan terkawal.

2.3 Kawalan Aktiviti Kritikal (Control of critical activities)

Organisasi telah merancang dan melaksanakan kawalan aktiviti kritikal (Penyampaian Latihan, Konsultasi, Penyelidikan, Pentaksiran dan Penerbitan) melalui pembentangan dan pelaporan dalam Mesyuarat Pengurusan dan Profesional (MPP) IABCU, melalui pembentangan dan pelaporan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Latihan dan Pembangunan, Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan, dan Mesyuarat Lembaga Pengajian yang dijalankan di IAB Induk dan akan dilanjutkan ke peringkat cawangan.

3.0 CADANGAN AUDIT

3.1 PKSO 10 (Pengurusan Perkhidmatan Kebersihan dan Kawalan Keselamatan)

3.1.1 Meletakkan nama pekerja yang melaksanakan tugas pada BK46 (Semakan Kebersihan Bilik/Ruang Kerja Staf). Menukar perkataan "disediakan" kepada perkataan "disemak" pada ruang tandatangan pegawai IAB dalam BK46. Salinan kehadiran pekerja keselamatan perlu

di fotostat dengan dakwat yang lebih jelas bagi tujuan tuntutan bayaran perkhidmatan.

3.1.2 Sediakan palang elektronik di pintu pagar utama IABCU.

Ini dapat meningkatkan mutu kawalan pegawai keselamatan ke atas pagar utama IABCU. Secara tidak langsung markah pengurusan keselamatan bulanan bagi item kawalan pintu pagar utama IABCU dapat ditingkatkan lagi daripada 85%+ kepada 90%+.

3.2 PKSO 13 (Pengurusan Sajian)

Salinan BK88 (Borang Maklumbalas Sajian) dan BK89(Laporan Tindakan Penambahbaikan /Pembetulan/Pencegahan Berkenaan Sajian)tentang aduan serta laporan penambahbaikan yang dilaksanakan, ditampalkan di papan kenyataan.


Jika berlaku keracunan, penyelia asrama yang menerima aduan menyiasat dan memaklumkan kepada pegawai eksekutif Seksyen Pengurusan Program untuk tindakan selanjutnya.

3.3 PKSO 2

Semua Pengurus/ Pengurus Bersama/ Tenaga Pengajar diminta untuk membuat ujilari peralatan ICT sehari sebelum kelas bermula perlu diamalkan.

3.4 PKSI 05

Penggunaan u-Khidmat perlu digunakan secara menyeluruh oleh warga IABCU dan pelanggan IABCU bagi aspek selain ICT.

Juruaudit	 PN. HJH NORLEHA BT IBRAHIM Nama/Tandatangan	Tarikh	18/3/2025
Wakil Auditi	 TUAN AYUB BIN AHMAD, A.M.P Nama/Tandatangan AYUB BIN AHMAD, A.M.P. Pengarah Cawangan Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara Kementerian Pendidikan Malaysia	Tarikh	19/2/2025

4.0 PENEMUAN AUDIT UTAMA

4.1 Komitmen Pengurusan Atasan / Konteks

Pihak pengurusan atasan IABCU telah memberi kerjasama, sokongan dan komitmen yang amat tinggi bagi memastikan pelaksanaan kerja buat teras di IABCU dan mematuhi prosedur kualiti yang telah ditetapkan. Timbalan Pengarah telah hadir dalam Mesyuarat Pembukaan Audit Kualiti Dalam dan Mesyuarat Penutupan Audit Kualiti Dalam Bil.1/ 2025

4.2 Kajian Semula Pengurusan

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan 2025 akan diadakan di IAB Induk bagi memastikan tindakan penambahbaikan akan diadakan.

4.3 Pelaksanaan Dasar dan Objektif Kualiti dan Perancangan

Dasar kualiti telah dipaparkan di beberapa lokasi strategik oleh pihak pengurusan IAB Cawangan Utara agar staf dapat membaca dan menghayatinya. Bahan hebahan Standard Kualiti MS ISO juga terdapat di lokasi strategik.

4.4 Kawalan terhadap Aktiviti Kritikal

Tiada ketidaakuran berlaku sepanjang proses audit dijalankan.

4.5 Aduan Pelanggan, Maklum balas dan Komunikasi

Pihak pengurusan telah menguruskan aduan pelanggan, maklum balas dan komunikasi dengan menggunakan sistem aduan pelanggan yang dibangunkan secara dalaman iaitu U-Khidmat dan Sistem Pengurusan Aduan Pelanggan KPM (SISPAA). Pihak pengurusan telah mengambil tindakan terhadap aduan pelanggan untuk memastikan kepuasan pelanggan terhadap aduan tersebut.

4.6 Keutamaan terhadap Pelanggan

Pihak pengurusan IABCU didapati membuat pemantauan dan penyelesaian terhadap aduan bagi meningkatkan kepuasan pelanggan.

4.7 Pengukuran, Analisis dan Pemantauan Data

Pihak pengurusan didapati melaksanakan pemantauan secara berkala mengikut keperluan selepas mendapatkan maklumat mengenai penilaian kursus berdasarkan analisis borang BK15a, BK15b, BK15c, BK15d, BK30 dan BK38.

4.8 Tindakan Pembetulan/ Pengurusan Risiko

4.8.1 Tindakan Pembetulan

IABCU telah melaksanakan semua tindakan pembetulan dan tindakan penambahbaikan berdasarkan Audit Kualiti 2024

4.8.2 Pengurusan Risiko

Pihak IABCU telah menyediakan Pelan Pengurusan Risiko IABCU 2025

4.9 Pematuhan terhadap Keperluan Peraturan dan Arahan Kerajaan

IABCU mematuhi segala peraturan dan arahan kerajaan berlandaskan pekeliling dan surat siaran perbendaharaan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

4.10 Penambahbaikan Berterusan

IABCU menyemak dan memantau objektif dan sasaran dengan merujuk kepada data yang terkumpul. Tindakan penambahbaikan diambil berdasarkan data penilaian peserta.

4.11 Kawalan Dokumen dan Data/Kematangan Sistem

Kawalan Dokumen dan Data/Kematangan Sistem IABCU telah dilaksanakan dengan memuaskan dan mematuhi prosedur yang ditetapkan. Walau bagaimanapun masih perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

4.12 Pengurusan Sumber / Pengetahuan Organisasi / Kekompetenan

Pengurusan sumber infrastruktur di IABCU dilaksanakan dengan baik mengikut prosedur yang disediakan.

4.13 Aktiviti Perolehan dan *outsourced*

Proses Perolehan di IABCU dilaksanakan dengan baik dan mematuhi prosedur yang ditetapkan.

4.14 Audit Kualiti Dalaman Lepas

Tindakan penambahbaikan sejak audit lepas dan tindakan susulan telah diambil oleh pihak pengurusan dan pihak auditi yang terlibat

5.0 KOMEN LAIN

5.1 Komen Positif

Staf IABCU telah menunjukkan kematangan dan komitmen yang tinggi terhadap Audit Kualiti Dalaman. Dokumen dan Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2015 telah dipatuhi, jadi pelaksanaan kerja sentiasa bermutu tinggi dan berkesan menepati objektif yang ditetapkan. Pendedahan dan latihan berterusan berkaitan prosedur-prosedur kualiti perlu diteruskan kepada warga IABCU untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran penggunaan prosedur kualiti dalam proses kerja.

5.2 Pemerhatian/Peluang untuk Penambahbaikan

Tiada #pemerhatian/peluang untuk penambahbaikan

5.3 Audit ISO telah dijalankan dengan lancar dan memenuhi objektif yang ditetapkan. Daripada penemuan audit, terdapat beberapa kekuatan yang dapat dikekalkan serta beberapa peluang penambahbaikan yang boleh diambil tindakan.

Kekuatan yang Ditemui:

- ☒ Kepatuhan tinggi terhadap prosedur yang ditetapkan.
- ☒ Rekod dokumentasi yang teratur dan lengkap.
- ☒ Komitmen tinggi daripada pasukan dalaman dan pengurusan memastikan pematuhan terhadap standard ISO.

Juruaudit MS ISO 9001: 2015 IABCU BIL.1/ 2025

Bil.	Nama	Jawatan	
1	Norleha binti Ibrahim	Lead Auditor	Ketua Juruaudit
2	Zuraiddi bin Che Ya	Lead Auditor	Penolong Ketua Juruaudit
3	Faudzi bin Saad	Lead Auditor	Juruaudit
4	Khairul Badri bin Ahmad	Lead Auditor	Juruaudit
5	Fazil bin Ahmad	Lead Auditor	Ketua pasukan
6	Mohd Shukri bin Md. Jaafar	Lead Auditor	Ketua pasukan
7	Mohd Rushdan bin Azizan, PhD	Lead Auditor	Ketua pasukan
8	Ahmad Shamil bin Othman@ Seman	Lead Auditor	Ketua pasukan
9	Azhan bin Anuar	Lead Auditor	Juruaudit
10	Mohd Nadzri bin Ishak, PhD	Lead Auditor	Juruaudit silang
11	Cham Nian a/l Song	Lead Auditor	Juruaudit
12	Kalai Selvan a/l Arumughan, PhD	Lead Auditor	Juruaudit
13	Muhammad Lukman bin Ismail		Juruaudit
14	Mohd Amir Shaukhi bin Ahmad		Juruaudit
15	Noor Hashimah binti Hashim, PhD		Juruaudit
16	Hilmun binti Baharudin		Juruaudit
17	Ilham binti Ismail, PhD		Juruaudit
18	Mohd Luqman Hidayat bin Ismail		Juruaudit
19	Adz Jamros bt Jamali		Juruaudit
20	Maizatol bt Abd. Manaf		Juruaudit
21	Koy a/p Akun		Juruaudit
22	Noor Ashikin binti Shahrom		Juruaudit
23	Mohd Razif bin Abd Rahman		Juruaudit
24	Ismail bin Ibrahim @ Mat Isa		Juruaudit
25	Zamri bin Abu Bakar		Juruaudit
26	Fakhrul Anwar bin Ishak		Pengurus/Urusetia
27	Suriati binti Suhaimi	Lead Auditor	Pengurus Bersama/Urus Setia